




Kenyataan Media

CYBERJAYA
12 Julai 2021

PENDUDUK KG. RHU SEPULUH DAN KG. KUALA KUBANG, DI SETIU, TERENGGANU KINI BOLEH NIKMATI JARINGAN TELEKOMUNIKASI 4G LEBIH BAIK

Para penduduk di Kg. Rhu Sepuluh dan Kg. Kuala Kubang, Setiu, Terengganu kini boleh menikmati jaringan telekomunikasi 4G yang lebih baik selepas dua (2) buah menara komunikasi baharu di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) telah siap dibina dan mula beroperasi di kedua-dua kampung tersebut sejak bulan Jun yang lalu.



Gambar 1: PENGARAH MCMC Terengganu, Mohd Fairus Muhamad (empat dari kiri) bersama-sama dengan Ahli Parlimen Setiu, Yang Berhormat Shahrizukirnain Abd Kadir (dua dari kanan) dan wakil penyedia perkhidmatan meninjau kualiti perkhidmatan 4G di menara komunikasi baharu Kg.Kuala Kubang, di Setiu, Terengganu, baru-baru ini.

Gambar 2: PENGARAH MCMC Terengganu, Mohd Fairus Muhamad (dua dari kiri) bersama-sama dengan Ahli Parlimen Setiu, Yang Berhormat Shahrizukirnain Abd Kadir (tengah) turut meninjau kualiti perkhidmatan 4G di menara komunikasi baharu Kg. Rhu Sepuluh, di Setiu, Terengganu.

Pembinaan menara-menara baharu dengan liputan 4G itu akan memberi manfaat kepada lebih 1,000 penduduk kampung di Rhu Sepuluh dan Kg. Kuala Kubang. Selain itu, ia juga memberi manfaat dan impak positif kepada Pantai Penarik yang merupakan antara lokasi pelancongan utama di Setiu.

Penambahbaikan liputan 4G di bawah inisiatif JENDELA yang dikawal selia oleh MCMC di dalam kawasan parlimen Setiu dilaksanakan secara berterusan dengan sebanyak 15 menara baharu lagi telah diluluskan dan dijangka akan siap beroperasi secara berperingkat bermula pada suku kedua tahun 2022.

Sementara itu, kerja-kerja naik taraf liputan kepada 4G di 78 menara sedia sedang giat dilaksanakan dan dijangka akan siap beroperasi secara berperingkat bermula Ogos ini sehingga Mac 2022 akan datang.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV